

# Siap sedia anjur tiga acara penting

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersiap sedia dalam menganjurkan tiga acara penting bertaraf antarabangsa sekali gus bakal menjadi perhatian dunia.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata penganjuran tiga acara besar tahun 2025 ini adalah amat bermakna dan mencabar buat negara serta Kuala Lumpur.

"Pada 6 dan 7 Mei 2025, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-46, dengan Kuala Lumpur sebagai lokasi utama persidangan ini.

"Sebagai bandar raya yang akan menjadi perhatian dunia, Kuala Lumpur perlu dipersiapkan sebaik-baiknya untuk memastikan kelancaran acara ini serta memberikan kesan positif kepada tetamu dari negara ASEAN dan dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan



**MAIMUNAH (tengah) dan pegawai kanan DBKL beramah mesra dengan Pengarang Media.**

pengamal media di ibu negara Jumaat lalu.

Hadir sama Pengarah Eksekutif (Sosio Ekonomi), Ismadi Sakirin; Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek), Mohamad Hamim dan Pengarang Kanan Wilayahku, Abie Abdullah.

Menurut Maimunah, sebagai persediaan menghadapi sidang kemuncak ini, DBKL telah diberikan tanggungjawab untuk menganggotai Jawatankuasa Kecil Kesejahteraan Awam di peringkat nasional.

"Lanjutan dari itu, DBKL telah

menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kesejahteraan Bandar dan Jawatankuasa Tindakan Pengindahan Bandar bagi memastikan Kuala Lumpur sudah bersedia dari segi kebersihan, keindahan, kesejahteraan bandar, lalu lintas, penguatkuasaan serta penyelenggaraan infrastruktur," katanya.

Menurut beliau, selain Sidang Kemuncak ASEAN, Kuala Lumpur juga akan menjadi tuan rumah kepada dua lagi acara besar iaitu Meeting of Governors and Mayors of ASEAN Capitals (MGMAC) dan Asian Sustainable Urban Forum yang dijadualkan berlangsung dari 10 hingga 15 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan kerjasama Urbanice Malaysia.

"Kehadiran pemimpin-pemimpin bandar utama di ASEAN dalam acara ini memberikan peluang kepada Kuala Lumpur untuk mempamerkan daya saingnya

sebagai bandar raya yang mampan dan inovatif.

"Justeru, sekali lagi, kami menyeru agar pihak media dapat membantu dalam membawa naratif positif mengenai Kuala Lumpur di peringkat serantau dan antarabangsa," katanya.

Ujarnya, tahun 2025 bakal dipenuhi dengan pelaksanaan inisiatif penting setelah pelbagai perancangan strategik dirangka sebelum ini bagi memastikan Kuala Lumpur terus maju dan berdaya saing.

"DBKL memberikan tumpuan kepada lima bidang utama iaitu Pembangunan Terancang, Keterangkuman Masyarakat, Bandaraya Hijau dan Mampan Komunikasi yang Berkesan dan Reformasi Tadbir Urus untuk memperkasakan pengurusan bandar raya yang lebih cekap, telus dan berpandukan tatakelola," katanya. 